KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10.06.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JMG			

Tasik Black Water, Bandar Mahkota Cheras

MPKj tambak tanah sekat air kotor masuk sungai

Kuala Lumpur: Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menambak tanah di kawasan hujung Tasik Black Water, Bandar Mahkota Cheras, dalam usaha menyekat laluan keluar air kotor daripada tasik memasuki sungai yang kemudian boleh mencemarkan Loji Rawatan Air (LRA) Cheras Batu 11.

Tinjauan di tasik berkenaan tengah hari semalam mendapati sampah sarap masih memenuhi hampir 95 peratus keluasan tasik yang belum dibersihkan.

Bagaimanapun, pihak berkuasa MPKj sudah menyita kawasan dipercayai menjadi lokasi pembuangan sampah oleh pihak tidak bertanggungjawab itu.

Pegawai Perhubungan Awam, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman, berkata MPKj sudah menyekat dan menambak tanah di kawasan hujung tasik itu sebelum kerja pembersihan tasik dilaksanakan dalam masa terdekat.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya masih tidak dapat menganggarkan masa diambil untuk menyelesaikan kerja pembersihan itu.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah menempatkan pegawai dan anggotanya secara statik di kawasan berkenaan pada waktu tertentu.

"Pihak MPKj sudah menyita beberapa kenderaan berat yang mencurigakan berkemungkinan terbabit dalam mencemarkan Tasik Black Water.



Keadaan terkini Tasik Black Water Bandar Mahkota Cheras selepas MPKj menambak tanah. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

"Rondaan dan kawalan dilakukan pada waktu tertentu yang mungkin menjadi pilihan pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah atau sisa bahan kimia," katanya kepada *BH*, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian, sebelum ini berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menyertai Operasi Bersepadu diketuai MPKj di Tasik Black Water pada 31 Mei lalu, susulan aktiviti pembuangan sampah di kawasan berkenaan, yang turut membabitkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Langat.


LRA Cheras Batu 11 mungkin dihenti tugas

Keratan akhbar BH semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati keadaan tasik itu dipenuhi sampah sarap dan efluen kehitaman atau *leachate*, selain lokasi insiden berdekatan Sungai Perimbun yang dianggarkan sejauh kira-kira tiga kilometer, manakala jarak tasik ke LRA Cheras Batu 11 adalah kira-kira 6.5 kilometer.

Kamarul Izlan berkata, pihak MPKj juga turut menyita pintu masuk utama ke tasik itu, selain membuat satu lubang besar di hadapan pagar zink.

"Langkah dilakukan ini untuk memastikan tiada sebarang kenderaan atau jentera berat masuk ke dalam kawasan tasik sehingga siasatan selesai dilakukan," katanya.